



Dr Mahathir berucap pada Perbahasan Umum Sesi Ke-74, Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, semalam. (Foto bernama)

# ‘Barat cipta Israel rampas tanah Palestin’

Tindakan terhadap keganasan tak berjaya sehingga punca ditangani: PM



**Tun Dr Mahathir Mohamad** berkata peningkatan keganasan di seluruh dunia bermula apabila negara Barat mencipta Israel dengan merampas tanah Palestin dan mengusir penduduk majoriti Arab.

Perdana Menteri berkata, sejak itu perang berlaku di banyak negara dengan kebanyakannya adalah berkaitan dengan penciptaan Israel.

“Kini kita ada keganasan sedangkan sebelum ini tidak wujud atau sekurang-kurangnya bukan pada skala sekarang,” kata Perdana Menteri ketika berucap pada Perbahasan Umum Sesi Ke-74 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, tin-

dakan terhadap perbuatan keganasan tidak akan berjaya sehinggalah punca utama dikenal pasti dan ditangani.

Beliau berkata, Malaysia menerima negara Israel sebagai ketentuan yang dipaksa terima (fait accompli) tetapi tidak boleh menerima tindakan Israel merampas tanah Palestin untuk membina penempatan dan menduduki Baitulmaqdis.

“Rakyat Palestin kini langsung tidak boleh memasuki penempatan yang dibina di atas tanah mereka,” katanya.

Dr Mahathir berkata, disebabkan penciptaan Israel, kini wujud permusuhan terhadap umat Islam dan agama Islam.

Beliau berkata, umat Islam pula dituduh melakukan keganasan walaupun mereka tidak melakukan apa-apa.

“Kestabilan negara-negara Islam digugat dengan kempen untuk demokrasi dan perubahan rejim. Umat Islam ditindas di mana saja, diusir dari negara mereka dan dinafikan suaka.

“Beribu-ribu meninggal dunia di laut dan akibat musim sejuk yang teruk. Sesiapa pun tidak boleh menafikan bahawa pada masa lalu tiada migrasi berskala besar tetapi kini peperangan dan ketidakstabilan akibat perubahan rejim memaksa mereka melarikan diri dari negara mereka,” katanya.

Dr Mahathir berkata, negara yang sering bercakap mengenai

demokrasi dan kedaulatan undang-undang pula bersikap pilih kasih dan membiarkan ‘rakan’ mereka seperti Israel melanggar undang-undang sesuka hati.

Beliau berkata, Israel bukan saja terlepas daripada sebarang tindakan undang-undang tetapi juga disokong dan dilindungi.

“Semua yang dilakukan negara yang bukan kawan adalah tidak betul. Tidak ada keadilan di dunia,” katanya.

Perdana Menteri berkata, ketidakupayaan dunia dalam menghentikan kekejaman terhadap masyarakat seperti Rohingya di Myanmar menyebabkan resolusi PBB tidak lagi dihormati.

Akibatnya, kata beliau, masyarakat Rohingya dipaksa berhijrah dan kini tidak berani kembali ke Myanmar walaupun diberi tawaran kerana mereka tidak dapat mempercayai tentera Myanmar melainkan ada perlindungan pihak ketiga.

Menyentuh isu Jammu dan Kashmir, Dr Mahathir berkata biarpun ada resolusi PBB, wilayah itu masih dicerobohi dan diduduki.

“Mungkin ada sebab kenapa tindakan itu diambil tetapi ia tetap salah. Masalah harus diselesaikan secara aman,” katanya.

**Ucapan penuh PM pada Perbahasan Umum Sesi Ke-74 UNGA. Muka 12/13**